

# NO 10 SKUADRON MENJAYAKAN LATIHAN ABSEILING KURSUS KETUA PLATUN INFANTRI SIRI 1/19

 [airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/5032-no-10-skuadron-menjayakan-latihan-abseiling-kursus-ketua-platun-infantri-siri-1-19](http://airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/5032-no-10-skuadron-menjayakan-latihan-abseiling-kursus-ketua-platun-infantri-siri-1-19)



ULU TIRAM, 27 Mei 19 – Pusat Latihan Tempur Tentera Darat (PULADA) telah menganjurkan latihan *abseiling* bagi Kursus Ketua Platun Infantri Siri 1/19 yang dijalankan di Padang Ragbi, PULADA bermula pada 23 Mei 19 hingga 25 Mei 19. Kursus ini melibatkan seramai 200 orang pelatih terdiri daripada pelbagai Kor dalam Tentera Darat.



No 10 Skuadron, Pangkalan Udara Kuantan yang mengoperasikan helikopter EC 725 AP telah ditugaskan untuk melaksanakan latihan *abseiling* dari pesawat untuk memberi pendedahan awal selain meningkatkan keyakinan diri serta daya kecergasan mental dan fizikal para pelatih. Latihan ini berjaya dilaksanakan dengan jayanya meskipun ianya dilaksanakan semasa bulan Ramadan.